

Pencarian Ilmu Penting Untuk Kemajuan Umat Islam - Muhyiddin Bernama
16 April , 2012

PUTRAJAYA, 16 April (Bernama) -- Pencarian ilmu perlu dijadikan sebagai jihad paling utama dalam usaha untuk memajukan umat Islam, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata (ini) terutamanya dalam mendepani cabaran globalisasi pada masa kini yang mana umat Islam tidak boleh tercicir atau ketinggalan di belakang.

"Persaingan global yang semakin sengit perlu disahut oleh kita semua dengan meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran," katanya semasa berucap pada majlis penyampaian Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen 2011 di sini Isnin.

Muhyiddin yang juga Pengerusi yayasan tersebut berkata justeru itu mahasiswa di institusi pengajian tinggi digalakkan untuk mempelajari, mengkaji dan menghasilkan penyelidikan berkualiti supaya dapatan kajian boleh memberi manfaat kepada masyarakat, negara dan umat seluruhnya.

Selain itu, katanya, antara cabaran ilmuwan Islam masa kini adalah untuk menyebarkan pandangan sarwajagat Islam yang tepat bahawa Islam adalah agama syumul dan merangkumi setiap aspek kehidupan manusia.

"Untuk menzahirkan ciri-ciri ilmu Islam yang syumul itu, maka kajian dan penyelidikan rentas disiplin antara ilmu-ilmu Islam dan ilmu moden dalam pelbagai bidang mestilah diteruskan.

Muhyiddin berkata penulisan tesis yang melibatkan kajian seumpama itu adalah antara langkah terbaik yang wajar digalakkan di universiti-universiti tempatan.

Sehubungan itu beliau berharap anugerah yang diwujudkan yayasan berkenaan akan menggalakkan para siswazah untuk melakukan kajian-kajian yang bercirikan Islam dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu.

"Mudah-mudahan dengan usaha seperti itu akan dapat melahirkan sarjana Islam yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang dan seterusnya memperkayakan khazanah keilmuan negara," katanya.

Pada majlis itu Muhyiddin turut menyampaikan anugerah tesis terbaik peringkat Ijazah Sarjana kepada Juhasni Juperi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia manakala peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Phd) kepada Dr Ahmad Azrin Adnan dari Universiti Sains Malaysia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659437>